



13 Julai 2012

## Pelajar Nigeria kena 12 sebatan

PETALING JAYA: Seorang pelajar kolej warga Nigeria dihukum enam tahun penjara dan 12 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas dua pertuduhan memiliki dadah jenis kanabis dan syabu di sebuah pangaspuri, lima bulan lalu.

Hakim Balqis Aini Mohd Ali menjatuhkan hukuman itu terhadap Odumegbe Chukwudi Micheal, 27, selepas tertuduh mengaku bersalah apabila pertuduhan dibacakan.

Tertuduh yang memakai kemeja-T berwarna putih itu kelihatan tenang ketika keputusan dibacakan.

Mengikut pertuduhan pertama, Odumegbe didakwa memiliki ganja seberat 119.1 gram (g) di nombor A-20-1 Pangaspuri Koi Kinrara Puchong, Selangor, pada jam 7.30 pagi, 19 Februari lalu.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya yang boleh dihukum mengikut Seksyen 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman minimum penjara lima tahun dan maksimum seumur hidup serta maksimum 10 kali sebatan jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan kedua pula, dia didakwa memiliki syabu seberat 0.67g, di tempat dan waktu sama mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum mengikut akta sama, membawa hukuman maksimum denda RM100,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Balqis Aini menjatuhkan hukuman penjara enam tahun dan 12 sebatan bagi pertuduhan pertama manakala penjara setahun bagi pertuduhan kedua.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan itu berjalan serentak bermula tarikh dia ditangkap pada 19 Februari lalu.

Terdahulu, peguam tertuduh, R Tirukumaran memohon hukuman ringan diberikan kepada anak guamnya atas alasan pengakuan bersalah tertuduh menjimatkan masa mahkamah.

“Anak guam saya sudah insaf dan bertaubat tidak mahu melakukan perbuatan itu lagi. Dia mahu pulang ke negaranya sebaik hukuman tamat,” katanya.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya, Zhafran Rahim Hamzah meminta mahkamah menjatuhkan hukuman berat berikutan jenayah dadah yang semakin berleluasa.

Zhafran berkata, tindakan tertuduh menunjukkan sifat tidak hormat kepada undang-undang dan hukuman dikenakan dijadikan pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat umum. Pada prosiding sama, tujuh lagi rakan kolej tertuduh, termasuk tiga wanita turut dituduh atas dua pertuduhan sama.

Bagaimanapun, mereka mengaku tidak bersalah dan mahkamah menetapkan 9 Ogos depan sebagai tarikh sebutan semula.